



“KASIH SAYANG PELENGKAP KESEJAHTERAAN”

(1 Syawal 1439)

الله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

الله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

الله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الله أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ،
صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعْزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَخْرَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَبَيْنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمْ بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللهُ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru hadirin yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Di pagi lebaran yang indah ini khatib akan menyampaikan khutbah bertajuk: “Kasih Sayang Pelengkap Kesejahteraan”.

الله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat-Nya dapat kita berhimpun sekali lagi di rumah Allah ini bagi merayakan ‘Idul Fitri. Hari ini merupakan hari kemenangan buat seluruh umat Islam setelah berjaya menjalani sebulan ibadah puasa Ramadan.

Semoga matlamat puasa Ramadan yang menjadikan kita insan yang bertakwa dan terus kekal dalam golongan *Muttaqin* seterusnya beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bulan Ramadan telah berlalu pergi meninggalkan kita. Bulan yang telah memberi latihan kepada jiwa dan raga kita agar menjadi hamba-Nya yang bertaqwah. Bulan yang berjaya mengubah diri kita untuk lebih dekat dengan masjid, lebih rapat dengan al-Quran, lebih ringan untuk bersedekah, dan lebih menghargai nikmat-Nya. Hakikatnya, kita perlu akui bahawa bulan Ramadan merupakan bulan yang membawa titik perubahan, dalam konteks hubungan baik kepada Allah dan kasih sayang sesama manusia.

Kita juga telah melalui sebulan proses tarbiyah dalam bulan Ramadan. Ramadan banyak mengajar kita tentang hidup bermasyarakat seperti membantu dan menyantuni fakir miskin, memberi makan kepada orang yang berpuasa, memenuhi kewajipan membayar zakat dan lain-lain lagi. Semuanya itu mempunyai hubung kait dalam menjaga hubungan antara sesama manusia yang seterusnya akan melahirkan sifat kasih sayang dan kepedulian antara sesama masyarakat. Inilah antara keindahan Islam yang membawa rahmat kepada semua anggota masyarakat. Sebagaimana dengan firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya’ ayat 107:

(وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ)

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya manusia itu lahir ke dunia ini dengan adanya *mawaddah* dan *rahmah* iaitu cinta dan kasih sayang. Kita lahir ke dunia ini kerana wujudnya kasih sayang Allah yang bersifat *Al-Rahman*. Lahirnya kita ke dunia ini juga disambut dengan kasih sayang keluarga dan saudara-mara kita. Perasaan kasih dan sayang ini merupakan fitrah yang diciptakan dalam diri setiap manusia iaitu manifestasi daripada sifat Allah SWT, al-Rahman, iaitu Yang Maha Pengasih. Sesungguhnya atas sifat itulah manusia hidup di dunia ini dengan pelbagai nikmat yang telah dikurniakanNya tanpa mengenal bangsa dan keturunan. Jika bukan atas sifat kasih sayang, seorang ibu tidak mungkin sanggup berkorban melahir dan membesarkan anak-anaknya, seorang bapa tidak mungkin akan berpenat lelah mencari rezeki untuk kelangsungan hidup keluarganya, seorang guru tidak akan bertungkus lumus mendidik pelajarnya dan seorang sahabat tidak akan bersusah payah menggembirakan sahabatnya. Rasulullah SAW menerangkan perihal kasih sayang orang beriman dengan sabdanya:

”مَثُلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثُلُ الْجَسَدِ؛ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى“

Maksudnya: "Perumpamaan seseorang Mukmin sesama Mukmin dalam hal saling mencintai, mengasihi dan menyayangi seumpama satu badan. Apabila ada salah satu anggota badan yang menanggung kesakitan, maka seluruh

badannya akan turut terjaga (tidak akan tidur) dan terasa panas (merasakan sakitnya)."

(Hadis Riwayat Imam Muslim)

Kasih sayang membentuk kehidupan masyarakat yang sejahtera. Daripada kasih sayang itu akan lahirlah sifat sabar, prihatin, bertolak ansur dan toleransi, lemah lembut, sopan santun, pemaaf dan banyak lagi sifat mahmudah dan nilai-nilai positif yang lain. Atas sifat kasih dan sayang juga Islam mensyariat ibadah zakat, memuliakan ibu bapa, menyantuni anak-anak yatim dan sebagainya. Ia juga secara tidak langsung akan menghindarkan tercetusnya sifat-sifat mazmumah dalam hubungan sesama manusia dan mengelakkan daripada berlakunya konflik dalam masyarakat seterusnya mengekalkan keharmonian.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah meraikan wujudnya kepelbagaian dan perbezaan. Manusia dicipta dalam pelbagai bangsa, bahasa, kefahaman dan kemampuan. Mereka dikurniakan peranan masing-masing bagi memakmurkan bumi Allah. Dalam kepelbagaian inilah, kasih sayang memainkan peranan sebagai penghubung silaturrahim sesama manusia. Sifat kasih sayanglah yang mendasari kepercayaan, kejujuran, empati, sokongan dalam sesuatu perhubungan sosial. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن ذِكْرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْثَرَكُمْ عِنْدَهُمْ أَنْوَاعٌ۝
﴿اللَّهُ أَنْقَذَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ﴾

Ertinya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.”

Justeru, suatu perkara yang wajib kita buktikan apabila tiba hari raya ialah bermaaf maafan dengan jujur dan ikhlas antara sesama kita. Marilah kita bermaafan, melupakan sebarang persengketaan untuk kita bersatu dan berpadu. Persengketaan boleh mengakibatkan perpecahan yang akhirnya akan menjadikan kita lemah dan jauh ketinggalan dalam semua bidang kehidupan. Selari dengan tarbiyah dari bulan Ramadan, setiap umat Islam perlu berusaha menjauhi sebarang perbalahan, pertengkarar mahupun perdebatan yang merugikan. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA,

لَيْسَ الصَّيَامُ مِنَ الْأَكْلِ وَالشُّرْبِ إِنَّمَا الصَّيَامُ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ فَإِنْ سَابَكَ أَحَدٌ أَوْ
جَهَلَ عَلَيْكَ فَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ إِنِّي صَائِمٌ”

Mafhumnya: “Puasa bukanlah hanya menahan diri dari makan dan minum, sesungguhnya puasa ialah menahan diri dari perkataan dan perbuatan kotor, maka jika ada seseorang yang menghina atau berbuat jahil kehadamu, katakanlah, sesungguhnya aku sedang berpuasa, sesungguhnya aku sedang berpuasa”

(Hadis riwayat Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban dan al-Hakim)

Pada hari raya yang mulia ini, marilah kita bersama-sama memperbaiki hubungan kita semua. Jadikanlah ‘Idul Fitri ini sebagai pencetus kepada satu perubahan ke arah kehidupan yang sejahtera, harmoni, menyantuni dengan penuh adab dan tertib berlandaskan kasih dan sayang sesama insan. Jadikanlah setiap ajaran dalam al-Quran yang kita hayati sepanjang bertadarus di bulan Ramadan itu sebagai panduan dan pedoman dalam kita meneruskan kehidupan.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam pada kita meraikan hari yang mulia ini dengan penuh kegembiraan bersama sanak saudara, janganlah kita melupakan tentang mereka yang kurang berkemampuan, anak-anak yatim, orang tua-tua, orang kelainan upaya, fakir dan miskin. Jangan juga kita lupa kegetiran hidup saudara-saudara seagama kita yang menderita ditindas dan dizalimi di Rohingya, Palestin dan Syria. Mereka memerlukan perhatian, bantuan dan sokongan agar dapat meneruskan perjuangan hidup. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membantu mempromosi Islam sebagai agama kedamaian dan membenci kezaliman. Firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 8:

﴿لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ تُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيْرِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ﴾

Ertinya: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.”

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin menekankan beberapa intipati penting yang perlu menjadi perhatian kepada saudara-saudari sekalian, antaranya:

Pertama: ‘Idul fitri merupakan titik tolak kepada perubahan untuk seluruh umat Islam memperbaiki hubungan antara sesama insan.

- Kedua:** Kepelbagaian bangsa dan keturunan tidak menghalang sesebuah masyarakat untuk menjalinkan silaturrahim ke arah kesejahteraan dan keharmonian hidup.
- Ketiga:** Umat Islam bertanggungjawab mempromosi agama Islam sebagai agama kesejahteraan, perdamaian, toleran dan penuh kasih sayang.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَأَعُتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرُّوْا وَإِذْ كُرُوا نَعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ
 فَالَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَنًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُرْقَةٍ مِنَ النَّارِ فَانْقَذَكُمْ مِنْهَا
 كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَيْتِيَهُ لَعَلَّكُمْ تَهَدُونَ

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenangkan nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.”

(Surah ali Imran ayat 103)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
 الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
 اللَّهِ الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ



KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا آتَقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَانِيهِ، وَلَا تَمُونُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita manfaatkan hari raya ini dengan melakukan amal-amal soleh dan menjauhi segala larangan Allah SWT. Hari raya bukan ‘lesen’ untuk kita melakukan sebarang perbuatan tanpa batas. Hari raya juga bukan masa untuk kita ‘membalas dendam’ dengan makan sepas-puasnya. Islam berbeza dengan agama-agama rekaan manusia yang lain. Ada batasan dan sempadan yang perlu kita sentiasa jaga dan berwaspada. Jagalah niat, kelakuan, percakapan, pandangan, dan pergaulan kita. Jagalah akhlak dan tingkah laku. Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang memelihara kehormatan mereka. Allah SWT berfirman:

﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ الْغُوَّصِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِزَكْوَةِ فَعَلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ ﴿٥﴾﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya berjayaalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat harta itu. Dan mereka yang menjaga kehormatannya.”

(Surah al-Mu'minun ayat 1-5)

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari ini, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas baginda Nabi Muhammad SAW. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمَّلُهَا الَّذِينَ إِمَانُهُمْ صَلُوْأَعَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.”

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارِكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.
وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَيِّ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نِسَيْنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَذْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالْتَّائِبِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضُ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
وَالْأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سَلاطِينَ
الْمُسْلِمِينَ وَأَيَّدْهُمْ بِالْتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلْمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدْمِ لَهُمُ الْعِزَّةَ
وَالْتَّمَكِّينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا
ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ
مَلِكِنَا؛

كاوه دولي يع منها موليا سري ثادوك بكتيندا يع دفتروان أكتوغ كلها بلس
سلطان محمد كلها وعلی کل قرابته أجمعین

أَصْلَحْ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَضَّ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمْ
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلُوزَرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا. وَارْزُقْهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ
وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً
مُطْمَئِنَّةً رَّحِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا
جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةً مَنْ أَمْرَتَنَا
بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan-Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dankekalkanlah perpaduan dalam kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

(رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ)
(رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ)
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ)
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ